



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PENYERAPAN JABATAN PERBEKALAN DAN STOR NEGARA**  
**KE JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Khamis, 28 Julai 2016**

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN), Kementerian Kewangan diserapkan ke dalam Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan mulai 1 Ogos 2016.

Penyerapan ini adalah antara inisiatif Kementerian Kewangan bagi penyelarasan (streamlining) fungsi Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di dalam Kementerian Kewangan ke arah mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber yang sedia ada secara lebih 'cost-effective'. Seterusnya, penyerapan ini akan dapat memperkemaskan lagi pengurusan tugas dan tanggungjawab di Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya khususnya Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN).

Sehubungan dengan itu, segala urusan-urusan seperti perbekalan beras, gula, peralatan pejabat, bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan barangan pecah belah adalah masih lagi dikendalikan ditempat yang sama iaitu di Jalan Gadong BE 1110, Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi talian *hotline* 2383666 atau melalui emel [ppp@treasury.mof.gov.bn](mailto:ppp@treasury.mof.gov.bn).

